

METOD ULAMA DALAM MENTAFSIR AL-QURAN

Oleh:

Dr Mohd Za'wawi Abdullah*

Abstrak

Al-Qur'an al-Karim adalah kitab yang terakhir diturunkan kepada Nabi yang terakhir Muhammad s.a.w. Ia adalah sumber hidayah dalam persoalan akidah, syariat, mu'amalah, jenayah dan segala urusan yang berkaitan dengan kehidupan di dunia dan di akhirat. Ekoran daripada kedudukannya yang penting ini, al-Qur'an seharusnya difahami dan ditafsirkan mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh syarak. Tulisan ini akan menjelaskan metod pentafsiran al-Qur'an sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh ulamak-ulamak tafsir yang terkenal dari semasa ke semasa, untuk memelihara al-Qur'an dari pentafsiran bebas tanpa mengira kelayakan dan kemampuan pentafsir.

Metodologi Pentafsiran

Mentafsir al-Quran cara terbaik ialah tafsiran yang boleh memahami maksudnya, menjelaskan pengertiannya, membongkar rahsia perbendaharaannya, serta membuka kuncinya untuk akal dan hati agar dapat menerimanya. Menurut Dr. Yusof al-Qardawi¹, metod utama dalam mentafsir al-Quran ialah mencantumkan antara *riwayah* dan *dirayah*, antara *sahih manqul* dan *lojik ma'qul*, menggabungkan antara turath ulama salaf dan pengetahuan ulama khalaf. Yang paling utama bagi pentafsir ketika mentafsir al-Qur'an ialah mentafsir ayat al-

* Pensyarah di Jabatan Usuluddin Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri.

Qur'an dengan ayat al-Qur'an sendiri dimana banyak ayat yang tidak jelas maksudnya dijelaskan oleh ayat yang lain. Jika tidak didapati penjelasan daripada ayat al-Qur'an, pentafsir hendaklah merujuk kepada hadith Rasulullah s.a.w yang sahih. Sekiranya tafsiran dari hadith gagal didapati, maka hendaklah dirujuk kepada tafsiran para sahabat r.a. Sekiranya tafsiran para sahabat r.a juga menghadapi masalah yang sama, maka kebanyakan ulama merujuk kepada tafsiran para *Tabi'in*. Jika tidak ada tafsiran *Tabi'in*, maka pentafsir hendaklah berijtihad untuk mencapai tafsiran yang tepat berbekalkan ilmu-ilmu yang melayakkannya berijtihad.

1. Tafsiran al-Qur'an Dengan al-Qur'an

Dalam al-Qur'an, terdapat ayat-ayat yang memerlukan penjelasan seperti ayat-ayat mujmal, mutlaq, ayat umum dan sebagainya. Ayat-ayat demikian memerlukan kepada kepakaran pentafsir untuk mendapatkan penjelasan daripada al-Qur'an sendiri sebelum merujuk kepada sumber-sumber lain.

Terdapat banyak contoh tafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an, di antaranya adalah seperti berikut:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ (الفاتحة: 2)

Ayat ini tidak menjelaskan maksud rububiyyah, tetapi penjelasannya ada pada ayat seperti berikut:

سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى ﴿٢﴾ وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى

﴿٣﴾ (الأعلى: 1-3)

Ayat 1-3 di dalam surah al-A'ala di atas menjelaskan *rububiyyah* Allah itu sebagai mencipta dan menyempurnakan ciptaan tersebut. Demikian juga ayat *al-Fatihah* tidak menjelaskan maksud (العالَمين), tetapi penjelasannya terdapat pada firman Allah:

قَالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٣﴾ قَالَ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنُتُمْ مُوقِنِينَ ﴿٢٤﴾ (الشعراء : 23-24)

Ia menjelaskan maksud (العالمين) itu ialah langit, bumi dan apa yang ada di antara keduanya, manakala ayat 6 surah *al-Fatihah*;

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾
(الفاتحة: 7)

Maksudnya dijelaskan melalui FirmanNya:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ
وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا ﴿١١﴾
(النساء: 69)

"Barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahkan nikmat oleh Allah iaitu para nabi, para *siddiqin*, para *syuhada'* dan orang-orang soleh dan mereka itulah teman sebaik-sebaiknya".

Di dalam ayat yang lain, Allah swt berfirman:

أُحِلَّتْ لَكُم بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ (المائدة : 1)

"Dihalalkan untukmu binatang kecuali yang akan dinyatakan ke atas kamu".

Ayat tersebut telah dijelaskan dalam ayat yang lain iaitu firman Allah swt:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ
وَالْمُنْحَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا
ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ (المائدة : 3)

“Diharamkan ke atas kamu bangkai, darah, daging babi, dan daging binatang-binatang yang disembelih atas nama selain daripada Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, yang diterkam binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelihnya (dan diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala”.

Firman Allah:

وَكُنْتُمْ أَزْوَاجًا ثَلَاثَةً ﴿٧﴾ (الواقعة : 7)

“Dan kamu menjadi tiga golongan”.

Ayat tersebut dijelaskan oleh ayat berikut:

فَأَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ ﴿٨﴾ وَأَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ
أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ ﴿٩﴾ وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ ﴿١٠﴾ (الواقعة : 8-10)

“Iaitu golongan kanan, alangkah mulianya golongan kanan itu, dan golongan kiri, alangkah sengsaranya golongan kiri itu, dan orang-orang yang paling beriman, merekalah yang paling dulu (masuk syurga)”.

Termasuk dalam tafsiran melalui al-Qur'an juga bentuk-bentuk bacaan yang diriwayatkan daripada para sahabat r.a yang dikatakan diambil daripada Rasulullah s.a.w. Contohnya pada ayat 93 surah al-Isra', Ibn Mas'ud telah membaca ayat tersebut dengan:

أو يكون لك بيت من ذهب

Bacaan ini berbeza daripada bacaan yang mashyur:

أو يكون لك بيت من زخرف

Melalui bacaan Ibn Mas'ud dapatlah difahami bahawa perkataan (زخرف) dalam bacaan mashhur itu bermaksud emas.

2. Tafsiran al-Qur'an Dengan Hadith

Allah telah menurunkan al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w. dan memerintahkannya supaya menjelaskan maksudnya kepada para sahabat r.a. Firman Allah:

وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

(النحل : 44)

"Dan kami turunkan kepada engkau peringatan (al-Qur'an) supaya engkau terangkan kepada manusia apa yang diturunkan kepada mereka supaya mereka memikirkan".

Kadar Tafsiran Rasulullah

Ulamak berbeza pendapat tentang kadar tafsiran Rasulullah s.a.w seperti penjelasan berikut:

- a. Rasulullah s.a.w telah mentafsirkan semua ayat al-Qur'an kepada sahabat r.a.².
- b. Rasulullah s.a.w telah mentafsirkan sedikit sahaja ayat-ayat al-Qur'an³.
Kedua-dua pendapat tersebut dikemukakan dengan dalil-dalil, tetapi ia tidak bebas dari kritikan atau dalil-dalil tersebut dipertikaikan⁴.
- c. Pendapat yang lebih rasional dan disokong oleh dalil-dalil yang kuat ialah Rasulullah s.a.w tidak mentafsirkan semua ayat al-

Qur'an. Namun demikian banyak ayat al-Qur'an telah ditafsirkan oleh baginda.

Rasulullah s.a.w tidak mentafsirkan kesemua ayat al-Qur'an kerana terdapat ayat-ayat al-Quran yang maksudnya hanya diketahui oleh Allah sahaja. Contohnya huruf-huruf *muqatta'ah* seperti *الم*, *حم*, dan sebagainya. Dari aspek lain terdapat banyak ayat al-Qur'an yang tidak memerlukan kepada pentafsiran kerana maksudnya sudah jelas dan difahami oleh para sahabat r.a.

Walau bagaimanapun realiti menunjukkan banyak ayat yang telah ditafsirkan oleh Rasulullah s.a.w. Tafsiran tersebut dihafal dan ditulis yang akhirnya dihipunkan di dalam kitab-kitab hadith yang masyhur seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tarmizi* dan lain-lain.

Bagi menjawab pendapat yang mengatakan Rasulullah s.a.w hanya mentafsirkan sedikit sahaja ayat al-Qur'an, perkataan 'sedikit' itu bermaksud jumlahnya sedikit berbanding dengan ayat-ayat yang tidak ditafsirkan oleh baginda atau sedikit berbanding dengan tafsiran para sahabat r.a dan tabi'in.

Contoh-Contoh Tafsiran Rasulullah

Di bawah dijelaskan contoh-contoh ayat al-Quran yang ditafsirkan oleh Rasulullah saw seperti berikut:

- i. Rasulullah s.a.w mentafsirkan lafaz *المغضوب عليهم* dengan maksud orang-orang Yahudi dan lafaz *الضالين* dengan maksud orang-orang Nasrani⁵.
- ii. Perkataan *قوة* dalam firman Allah:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ
بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ (الأنفال : 60)

“Dan bersedialah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu mampu dan kuda yang kamu ikat untuk berperang (dengan persiapan itu) kamu menggetarkan musuh Allah dan musuh kamu”.

Rasululullah s.a.w telah mentafsirkannya dengan sabdanya⁶:

ألا إن القوة الرمي , ألا إن القوة الرمي , ألا إن القوة الرمي

“Sedarlah bahawa kekuatan itu ialah lontaran (Baginda saw mengulangnya sebanyak tiga kali)”.

iii. Perkataan الخيط الأبيض dan الخيط الأسود dalam firman Allah:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ
الْفَجْرِ (البقرة : 187)

“Makan dan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam (fajar)”.

Baginda menjelaskan bahawa الخيط الأبيض bermaksud بياض النهار iaitu keputihan siang hari (fajar), dan الخيط الأسود bermaksud سواد الليل iaitu kegelapan malam⁷. Sebelum mendapat penjelasan ini, terdapat seorang sahabat r.a Rasulullah s.a.w yang meletakkan 'iqal berwarna hitam dan 'iqal berwarna putih di bawah bantal, kerana beliau menyangka ungkapan-ungkapan tersebut bermaksud dengan makna hakiki bukan makna *majazi* (kiasan).

- iv. Rasulullah s.a.w mentafsirkan firman Allah :

فَسَوْفَ تُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨١﴾

"Ia akan dihisab dengan hisab yang sedikit".

Baginda telah menjelaskan hisab yang sedikit pada ayat di atas dengan maksud pembentangan amalan (العرض)⁸. Ini bererti orang-orang ini akan diperlihatkan amalan-amalan baik yang dilakukannya semasa di dunia.

- v. Perkataan (الظلم) di dalam firman Allah swt:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْآمَنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾ (الأنعام : 82)

"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan keimanannya dengan zalim (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mendapat hidayat".

Perkataan الظلم dalam ayat tersebut ditafsirkan oleh Rasulullah s.a.w dengan syirik. Sebelum ayat ini ditafsirkan, para sahabat r.a masing-masing merasa gelisah kerana zahir perkataan الظلم bermaksud kezaliman, lalu mereka bertemu Rasulullah s.a.w dan berkata: وأينا لم يظلم؟ (Siapakah di kalangan kami ini yang tidak pernah melakukan kezaliman?). Rasulullah saw telah menjelaskan makna yang sebenar bagi الظلم di dalam ayat ini iaitu mensyirikkan Allah (bukannya zalim sebagaimana yang difahami oleh sahabat r.a)⁹.

3. Tafsiran Para Sahabat r.a

Ulama tafsir telah meletakkan tafsiran para sahabat r.a di tempat yang tinggi selepas tafsiran Rasulullah s.a.w. Ini berdasarkan keistimewaan

merekaberbanding dengan ulama-ulama selepas mereka. Keistimewaan-keistimewaan mereka adalah seperti berikut:

- a. Para sahabat r.a adalah golongan yang diakui keadilan oleh al-Qur'an. Dari aspek keilmuan, mereka lebih memahami maksud ayat-ayat al-Qur'an kerana mereka mendengar sendiri bacaan al-Qur'an dan pentafsirannya daripada Rasulullah s.a.w. Jika terdapat sesuatu ayat yang tidak difahami, mereka terus bertanya kepada Rasulullah s.a.w.
Berdasarkan kepada fakta ini, maka tafsiran para sahabat r.a lebih hampir kepada *Sunnah*. Bahkan sebahagian ulama mengambilnya sebagai *Sunnah*, khususnya apabila mereka mentafsirkan ayat-ayat dengan menyebut perkara yang tak mungkin dicapai oleh akal manusia seperti perkara ghaib dan sebagainya.
- b. Para sahabat r.a lebih mengetahui tentang sebab nuzul ayat kerana mereka menyaksikan sendiri peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum sesuatu ayat diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Bentuk pengetahuan seperti ini amat penting untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an.
- c. Para sahabat r.a adalah orang yang arif dan mahir tentang makna lafaz-lafaz al-Qur'an kerana mereka adalah orang Arab yang tulen. Antara mereka juga terdapat orang-orang yang paling arif di dalam bahasa Arab. Oleh itu, lafaz-lafaz yang asing bagi golongan 'ajam adalah tidak asing bagi mereka.

Imam Syafi'i telah memuji para sahabat r.a dan menggambarkan mereka dengan kata-kata berikut:

وهم فوقنا في كل علم واجتهاد وورع وعقل وأمر استدرك به علم
واستنباط وأراؤهم لنا أحمد وأولى بنا من أرائنا لأنفسنا

"Mereka (para sahabat r.a) lebih tinggi dari kami dalam setiap ilmu dan ijihad, dan kewarakan, dan akal, hal-hal yang memerlukan kepada ilmu dan istinbat hukum. Pada kami pendapat mereka lebih terpuji dan lebih diutamakan daripada pendapat kami sendiri".

4. Tafsiran Tabi'in

Ulama' berbeza pendapat mengenai tafsir yang diambil daripada para Tabi'in:

1. Pendapat pertama menyatakan tafsiran para Tabi'in tidak wajib diterima kerana mereka tidak mendengar dan mengambilnya daripada Rasulullah s.a.w., di samping mereka tidak pernah menyaksikan suasana penurunan ayat. Oleh itu berkemungkinan pendapat mereka tidak tepat. Mereka juga berbeza daripada sahabat r.a dari sudut keadilan kerana keadilan dan kelebihan para sahabat r.a telah dinaskan dalam al-Qur'an. Sebaliknya keadilan para Tabi'in tidak dinaskan oleh al-Qur'an.
2. Pendapat kedua menegaskan bahawa tafsiran para Tabi'in hendaklah diterima kerana kebanyakan tafsiran mereka diambil daripada para sahabat r.a.
3. Pendapat ketiga iaitu pendapat yang paling sesuai menyatakan tafsiran para Tabi'in tidak wajib diterima dan tidak harus ditolak kesemuanya. Sekiranya pentafsiran Tabi'in itu menyentuh hal-hal yang tidak ada ruang untuk menggunakan fikiran maka hendaklah tafsirannya diterima. Keharusan ini berlaku selagi tiada tanda-tanda yang menunjukkan mereka mengambil tafsiran itu dari sumber ahli kitab. Sekiranya ada tanda-tanda yang meragukan bahawa tafsiran mereka itu diambil dari sumber tersebut maka

ianya hendaklah ditolak. Namun demikian jika tafsiran itu merupakan ijmak seluruh Tabi'in maka tafsiran tersebut wajib diterima¹¹.

Metodologi Pentafsiran

Perkara yang harus diteliti selepas mendahulukan tafsir yang ma'thur ialah penafsir hendaklah mematuhi beberapa metodologi berikut:

- a. Melepaskan diri daripada mana-mana pengaruh mazhab (samada mazhab akidah atau fikah) dan pengaruh hawa nafsu. Kedua-dua pengaruh ini boleh mengongkong para pentafsir ketika mentafsir al-Qur'an. Kitab suci al-Qur'an sepatutnya menjadi hakim bukan sebaliknya.

Dalam konteks ini al-Zarkasyi telah memberi peringatan:

"Tidak akan terhasil pemahaman terhadap makna wahyu dan tidak akan jelas rahsianya bagi orang yang hatinya dipenuhi oleh bidaah atau hawa nafsu atau cinta kepada dunia. Begitu juga bagi orang yang selalu melakukan dosa atau tidak mempunyai iman yang kukuh atau berpegang pada kata-kata pentafsir yang tidak mempunyai ilmu ataupun pentafsir yang merujuk kepada pendapatnya sendiri semata-mata. Semuanya ini adalah halangan untuk memahami wahyu¹².

- b. Meraikan makna hakiki dan majazi. Pentafsir tidak seharusnya mendakwa salah satu daripada makna tersebut tanpa ada dalil yang menyokongnya. Sekiranya dakwaan tersebut dibuat dengan sewenang-sewenangnya maka hancurlah syariat Islam yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Terdapat dua perkara yang perlu diberi perhatian di dalam menentukan hakikat dan majaz bagi lafaz al-Qur'an:

1. Ayat-ayat yang tidak boleh menerima makna majazi ialah ayat-ayat yang berkaitan dengan tauhid, seperti dalam surah al-Ikhlâs, al-Kafirun, al-Nasr, ayat-ayat pembahagian pusaka dan ayat-ayat hukum tentang pusaka, sembahyang, zakat, dan haji. Ayat-ayat ini hendaklah diterima makna hakiki menurut syarak kecuali ada dalil-dalil lain yang menunjukkan bahawa yang dimaksudkan oleh ayat itu makna hakiki dari sudut bahasa seperti firman Allah:

وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ (التوبة : 103)

"Berdoalah kepada mereka. Sesungguhnya doamu dapat memberikan ketenangan kepada mereka".

Seterusnya sekiranya salah satu makna yang terdapat pada lafaz al-Qur'an itu hakiki mengikut adat dan yang satu lagi hakiki mengikut bahasa, maka makna hakiki mengikut adat hendaklah diutamakan. Metode ini dilakukan sekiranya kedua makna tersebut tidak dapat disatukan. Sekiranya kedua-dua makna boleh disatukan maka kedua-dua makna tersebut boleh diterima. Pandangan ini berdasarkan pendapat ulamak muhaqqiqin .

2. Ayat-ayat yang tidak boleh menerima makna hakiki.

Antaranya firman Allah swt:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى (طه : 5)

بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ (المائدة : 64)

فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا (الطور : 48)

Makna hakiki bagi ayat-ayat di atas tidak dimaksudkan. Oleh itu terdapat perselisihan antara pandangan ulama salaf yang menyerahkan maksud ayat-ayat tersebut kepada ilmu Allah semata-mata dan mazhab khalaf yang mentakwilkan ayat-ayat tersebut dengan makna majazi .

- c. Meraikan susunan dan tujuan sesuatu ungkapan dalam ayat.

Dalam hal ini penelitian diperlukan tentang aspek kepada siapakah sesuatu ayat itu diturunkan dan hubungan antara ayat yang hendak ditafsir dengan ayat yang terdahulu dan ayat terkemudian daripadanya. Ini sejajar dengan struktur ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai keserasian antara satu sama lain.

- d. Merujuk kepada sebab *nuzul* ayat yang ditafsirkan.

Pengetahuan tentang sebab nuzul adalah amat penting dalam memahami dan mentafsirkan sesuatu ayat. Tanpa pengetahuan yang padu akan menyebabkan pentafsiran yang salah dan mengelirukan. Contohnya pada zaman Rasulullah s.a.w. seorang lelaki telah meminum arak kerana hasil pemahamannya yang salah terhadap satu ayat al-Qur'an:

لَيْسَ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جُنَاحٌ فِيمَا طَعِمُوا إِذَا مَا اتَّقَوْا وَءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ثُمَّ اتَّقَوْا وَءَامَنُوا ثُمَّ اتَّقَوْا وَأَحْسَنُوا (المائدة : 93)

"Tidak ada dosa bagi orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan soleh kerana memakan makanan yang telah mereka makan dahulu, apabila mereka bertaqwa serta beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, kemudian mereka tetap bertaqwa dan beriman, kemudian mereka juga bertaqwa dan berbuat kebajikan".

Tanpa pengetahuan sebab nuzul, beliau dan kawan-kawannya telah meminum arak. Apabila ditanya sebab beliau meminumnya sedangkan Allah telah mengharamkan arak, beliau menjawab: "Arak adalah halal berdasarkan ayat di atas". Sebenarnya ayat di atas khusus untuk menerangkan hukum bagi orang-orang Islam yang telah mati syahid dalam peperangan Uhud, sedangkan sisa-sisa arak yang mereka minum itu masih ada di dalam perut mereka. Mereka meminum sewaktu arak belum diharamkan ke atas orang Islam. Kesalahan seumpama ini akan terus berlaku seandainya tidak diteliti tentang sebab nuzul ketika mentafsir al-Qur'an.

- e. Menjelaskan lafaz-lafaz yang khusus, lafaz-lafaz yang susah difahami dari segi bahasa, *sarf*, *nahu*, dan *isytiqaq* dan perbhasan dari sudut *i'rab* dan balaghahnya juga diperlukan di dalam mentafsir ayat-ayat al-Qur'an.
- f. Akhirnya pentafsir hendaklah menjelaskan maksud ayat yang ditafsirkan dan menjelaskan dengan teliti pengajaran dan istinbat hukum-hukum yang terdapat di dalam ayat mengikut batasan yang ditentukan oleh syarak.

Metodolgi tersebut telah diutarakan oleh ulama-ulama terkenal untuk mengelakkan umat Islam dari melakukan kesalahan dan penyelewengan di dalam mentafsir kitab suci al-Qur'an.

Contoh-Contoh Kesalahan Dalam Tafsir

Berikut beberapa contoh kesalahan dan penyelewengan dalam tafsir yang berlaku di dalam masyarakat Islam.

- a. Dakwaan mengatakan bahawa ahli kitab, golongan as-Sabi'in dan golongan-golongan lain berada di dalam hidayah. Kata penulis buku *Al-Quran Muhawalah li Fahm Asriy*:

"Al-Qur'an telah menetapkan semua ahli kitab samada Yahudi, Nasrani dan Muslimin berada dalam hidayah. Sesungguhnya sehingga mereka yang menyembah matahari sebagai lambang dan tanda kebesaran Allah iaitu golongan al-Sabi'in: Seumpama Akhnaton ... mereka berada di atas jalan hidayah dan bagi mereka pahala dan keampunan¹⁵.

Penulis ini kononnya mengeluarkan pendapatnya berdasarkan firman Allah swt:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّيِّئِينَ مَن ءَامَنُ
بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾ (البقرة : 62)

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan golongan al-Sabi'in, sesiapa di antara mereka yang beriman kepada Allah dan beriman kepada hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita".

Dimaksudkan dengan keimanan kepada Allah swt dalam ayat tersebut ialah kepercayaan yang disertai dengan keimanan kepada semua nabi yang diutuskan oleh Allah swt mulai nabi Adam a.s. hingga kepada nabi Muhammad s.a.w. Oleh yang demikian apa yang diucapkan oleh penulis adalah salah dan bertentangan dengan maksud sebenar ayat surah al-Baqarah tersebut. Islam mensyaratkan supaya seseorang itu beriman dengan kesemua nabi Allah termasuk nabi Muhammad s.a.w.

untuk mendapat pahala dan pengampunanNya. Al-Qur'an dengan jelas menegaskan:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيَقُولُوا نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَنْ يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ۖ أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا (النساء : 150-151)

“Sesungguhnya mereka yang kufur dan ingkar kepada Allah dan Rasul-Nya, dan (orang-orang yang) hendak membezakan iman mereka antara Allah dan rasul-rasulNya, dan mereka berkata: “Kami beriman kepada sebahagian rasul itu dan kufur ingkar kepada yang lain”, serta bertujuan untuk mengambil jalan lain (antara iman dan kufur). Mereka itulah orang-orang yang kafir sebenarnya”.

- b. Dakwaan yang dibuat oleh Kassim Ahmad melalui bukunya Hadith: *Satu Penilaian Semula* bahawa hukuman hudud dalam al-Qur'an mengandungi dua prinsip pilihan. Pertamanya, menjalankan hudud ke atas penzina dan pencuri, dan keduanya meringankan hukuman tersebut sehingga kepada pengampunan. Katanya:

“Potong tangan untuk pencuri dan seratus kali sebatan ke atas penzina adalah hukuman menurut konsep pertama. Jika prinsip kedua digunakan bermakna hukuman boleh diringankan hingga pengampunan”

Di dalam konteks ini, Kassim Ahmad telah menggunakan akalanya semata-mata dengan membuat bandingan (kiasan) hukum hudud dengan kejahatan yang dilakukan oleh individu tanpa beliau menyedari perbezaan antara kedua-duanya. Sebenarnya hukuman hudud adalah hukuman yang disyariatkan untuk mengawal masyarakat daripada

pencerobohan dan kerusakan. Oleh yang demikian Allah dengan tegas mewajibkan hukuman ke atas pelaku-pelaku kesalahan seperti yang dijelaskan dalam ayat berikut:

الرَّائِيَةُ وَالرَّائِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٤﴾ (النور : 2)

“Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka sebatlah tiap-tiap seseorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah belas kasihan kepada keduanya untuk (menjalankan) agama Allah jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan hendaklah perlaksanaan hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang beriman”.

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٥﴾ (المائدة : 5)

“Lelaki dan perempuan yang mencuri hendaklah dipotong kedua-dua tangan mereka (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan daripada Allah dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana”.

Melalui sebuah hadith sahih, Rasulullah telah bertegas dengan Usamah yang memohon syafaat daripada Nabi s.a.w untuk melepaskan hukuman ke atas seorang perempuan dari keturunan mulia yang telah dituduh melakukan pencurian. Baginda s.a.w bersabda¹⁷:

أَتَشْفَعُ فِي حَدِّ مَنْ حُدِّدَ لَهُ حَدٌّ مِنْ حَدِّ اللَّهِ يَا أُسَامَةُ ؟ وَأَيْمَنَ اللَّهُ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا.

- c. Muhammad bin Ka'ab al-Qurazi tersalah mentafsirkan ayat 71 dari surah al-Isra' dengan mengatakan أم, adalah kata jamak bagi إمام. Menurut beliau ayat: *يَوْمَ نَدْعُو كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمْئَامِهِمْ* bermaksud: "Manusia akan diseru pada hari kiamat nanti dengan nama ibu-ibu mereka".

Tafsiran ini amat jelas kesalahannya kerana sebenarnya kata jamak bagi perkataan أم, ialah أمهات. Tafsiran ini jelas bertentangan dengan sebuah hadith marfu' yang diriwayatkan oleh Abu Daud¹⁸ dengan sanadnya daripada Abu al-Darda':

إنكم تدعون يوم القيامة بأسمائكم وأسماء آبائكم فحسبوا أسماءكم

"Sesungguhnya pada hari kiamat nanti kamu akan dipanggil dengan nama kamu dan nama bapa kamu. Oleh itu perelokkanlah nama-nama kamu.

Tafsiran ayat di atas juga bertentangan dengan hadith marfu' yang diriwayatkan oleh al-Bukhari¹⁹ dengan sanadnya daripada Ibn Umar:

إن الغادر يرفع له لواء يوم القيامة : هذه غدره فلان ابن فلان

"Sesungguhnya orang yang mungkir janji akan diangkat kepadanya satu bendera pada hari kiamat. Maka akan dikatakan kepadanya: Ini bendera si polan bin polan (yang mungkir janji)".

Daripada kedua-dua hadith ini adalah jelas bahawa pada hari kiamat nanti manusia akan dipanggil dengan nama bapa-bapa mereka dan bukannya dengan nama ibu-ibu mereka. Kesalahan pada tafsiran di atas adalah disebabkan oleh kurangnya kefahaman pentafsir terhadap bahasa Arab dan hadith-hadith sohih²⁰.

Penutup

Pengetahuan mengenai metodologi mentafsir al-Qur'an adalah kriteria asas bagi melahirkan satu bentuk tafsiran yang tepat. Metodologi yang telah diacuankan oleh para ulama' sewajarnya dijadikan asas di dalam mentafsirkan al-Qur'an. Namun demikian dua syarat asas yang diperlukan dalam melakukan tafsiran ini iaitu keikhlasan hati dan kesahihan akidah di samping kemahiran-kemahiran ilmu alat untuk memahami al-Qur'an. Bagi mengelakkan penyelewengan, pentafsiran al-Qur'an perlu kepada kawalan dan batasan ilmiah. Pentafsiran yang melulu yang dilakukan oleh mereka yang tidak arif dalam ilmu-ilmu yang diperlukan oleh seorang pentafsir khususnya seperti ulum al-Qur'an, hadith, akidah dan bahasa Arab sewajarnya dikesampingkan daripada disebarkan ke dalam masyarakat.

NOTA HUJUNG

- ¹ Dr. Yusuf al-Qaradawi (1968), *Kaif Nata'amal Ma'a al-Qur'an al-'Azim*, Qaherah: Dar al-Shuruq, h. 217.
- ² Ibn Taymiyyah (1376H), *Muqaddimah Fi Usul al-Tafsir*, Qaherah, h. 5. Dr Sya'ban Muhammad Ismail (1980), *Al-Madkhal Li Dirasat al-Quran Wa al-Sunnah Wa al-Ulum al-Islamiyyah*, j. 2, Qaherah: Dar al-Ansar, h. 208.
- ³ Dr Sya'ban Muhammad Ismail (1980), *ibid.*
- ⁴ *Ibid.*
- ⁵ Al-Tirmizi (1387), *Tuhfah al-Ahwazi*, j. 8, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, h. 285.
- ⁶ *Ibid.*, h. 473.
- ⁷ *Ibid.*, h. 309.
- ⁸ Muslim (t,t), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, j. 17, Al-Matbaah al Masriyyah Wa Maktabatuha, h. 208.
- ⁹ Dr Sya'ban Muhammad Ismail (1980), *op. cit.*, h. 217-219
- ¹⁰ *Ibid.*, h. 221.
- ¹¹ Dr Muhammad Husein al-Dhahabi (1965), *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, j. 1, Qaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, h. 130.
- ¹² Dr. Faruq Hamadah (1399H), *Al-Madkhal ila 'Ulum al-Qur'an wa al-Sunnah*, Rabat: Maktabah al-Ma'arif, h. 299.
- ¹³ Jalal al-Din al-Suyuti (1395H), *Al-Itqan Fi Ulum al-Quran*, j. 2, h. 165.
- ¹⁴ Abu al-Fadl al-Ghimari (1375H), *Bida' al-Tafasir*, Qaherah: Dar al-Turath, h. 9-10.
- ¹⁵ Mustafa Mahmud (1970), *Al-Qur'an Muhawalah li Fahm Asriy*, Beirut: Dar al-Syuruq, h. 70.
- ¹⁶ Kassim Ahmad (1986), *Hadith Satu Penilaian Semula*, Kuala lumpur: Media Intelek Sendirian Berhad, h. 52.
- ¹⁷ Al-Bukhari, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 8, Madinah: al-Matbaah al-Salafiyyah, h. 286.
- ¹⁸ Abu Dawud, *'Aun al-Ma'bud*, j. 13, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, h. 291.
- ¹⁹ Al-Bukhari, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 10, Madinah: al-Matbaah al-Salafiyyah, h. 563.
- ²⁰ Dr Abdul Wahab Faid (1980), *Al-Dakhil Fi Tafsir al-Quran al-Karim*, j. 2, Qaherah: Matba'ah al-Hadarah al-Arabiyyah, h. 73.